

29/10/1999

Dakwaan Karpal melampau: Hakim

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Hakim Datuk Ariffin Jaka berkata peguam Karpal Singh sudah melampau apabila mendakwa mahkamah tunduk kepada badan eksekutif dan beliau takut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau meminta Karpal menarik balik kenyataannya itu yang dibuat ketika mahkamah memulakan prosiding pagi ini.

Karpal berkata: "Mahkamah ini kini tunduk kepada badan eksekutif dan gambaran yang saya perolehi adalah mahkamah ini khususnya Tuan, Yang Arif takut kepada Perdana Menteri".

Ariffin menjawab: Perasaan saya terguris apabila kamu berkata saya takut kepada Perdana Menteri".

Beliau kemudian berulang kali memberi peluang kepada Karpal supaya menarik balik kenyataannya itu tetapi peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim enggan berbuat demikian.

Sehubungan itu, katanya, beliau mungkin menimbang untuk memulakan prosiding menghina mahkamah terhadap Karpal di akhir perbicaraan nanti kerana beliau tidak mahu mengganggu perbicaraan itu.

Karpal menjawab: Yang Arif, mengikut peraturan jika Yang Arif ingin memulakan prosiding itu, ia perlu dibuat sekarang kerana tuduhan penghinaan mahkamah itu dilakukan di depan mahkamah.

Ariffin memberi amaran itu buat kali kedua selepas berbuat demikian Selasa lalu terhadap Karpal.

Sebelum prosiding pagi ini, Karpal menarik perhatian mahkamah berhubung kenyataan Perdana Menteri yang mengemukakan syarat untuk hadir ke mahkamah.

Katanya, tindakan Perdana Menteri memberi syarat berhubung sapa yang dikeluarkan ke atasnya adalah tidak pernah berlaku dalam sejarah perundangan negara ini.

Beliau berkata, tindakan Dr Mahathir itu menyentuh kedudukan hakim seperti yang diperuntukan mengikut Seksyen 136 Akta Keterangan.

"Hanya mahkamah boleh memutuskan keterangan boleh terima dan kaitannya dengan kes ini. Kenyataan Perdana Menteri menunjukkan beliau bertindak seperti seorang hakim dan tindakan itu menyamai kesalahan menghina mahkamah," katanya.

Karpal juga merujuk kenyataan pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang mendakwa mengada-adakan bukti dan kenyataan Tan Sri Vincent Tan yang menyokong kenyataan Setiausaha Kerja Umno, Tengku Adnan Tengku Mansor yang menyifatkan Karpal sebagai kurang ajar.

Ariffin memberitahu Karpal bahawa mahkamah tidak akan melayan permohonan lisan itu dan memintanya membuat permohonan secara rasmi untuk mendakwa mereka menghina mahkamah.

Sementara itu, Ariffin memberitahu Anwar bahawa Hospital Kuala Lumpur (HKL) menghubunginya untuk meminta kebenaran supaya bekas Timbalan Perdana Menteri menjalani imbasan otak, Selasa ini.

Ariffin berkata, beliau sudah meminta HKL membuat permohonan rasmi kepada mahkamah berhubung perkara itu.

Katanya, HKL meminta Anwar menjalani rawatan itu pada jam 2.15 petang Selasa ini dan berharap pihak penjara dapat menguruskannya.

(END)